

05/05/2000

Projek besar turut bantu negeri jiran

KUALA SELANGOR, Khamis - Semua projek besar yang dilaksanakan di Selangor bukan saja bakal memberi kemudahan kepada rakyat negeri itu tetapi juga membantu negeri jiran.

Menteri Besar, Datuk Seri Abu Hassan Omar berkata, projek membaik pulih dan menaik taraf Jalan Persekutuan 5 dari Sabak Bernam ke Banting juga memberi kemudahan laluan kepada pengguna di Perak, Negeri Sembilan dan Melaka.

"Oleh demikian menjadi hasrat kerajaan negeri melaksanakan pelbagai kemudahan infrastruktur oleh Kerajaan Persekutuan bukan semata-mata untuk Selangor tetapi juga membantu penduduk di negeri berhampiran," katanya kepada pemberita selepas melancarkan projek berkenaan hari ini.

Abu Hassan berkata, Jalan Persekutuan 5 yang bakal dibaik pulih dan dinaik taraf meliputi empat daerah dan tiga daripadanya adalah di luar kawasan Lembah Klang.

Katanya, menjadi matlamat dan hasrat Tunggak 10 untuk membangunkan kawasan di luar Lembah Klang seperti Daerah Sabak Bernam, Kuala Selangor dan Kuala Langat yang selama ini ketinggalan supaya seimbang dengan pembangunan di Lembah Klang.

Beliau berkata, dengan siapnya projek itu, sistem pengangkutan di kawasan berkenaan akan setanding dengan lebuh raya dan perhubungan menjadi lebih mantap, pembangunan ekonomi menjadi lebih intensif dan melonjak keupayaan Pelabuhan Klang untuk bersaing dengan pelabuhan utama dunia.

Kewujudan Jalan Persekutuan 5 itu juga, katanya, boleh meningkatkan kegiatan di kawasan pertumbuhan baru seperti Berjantai Bistari di Kuala Selangor dan Sungai Lang di Sabak Bernam.

"Kita harap Kerajaan Persekutuan juga memberi perhatian kawasan pertumbuhan baru di dalam perancangan pembinaan atau menaik taraf Jalan Persekutuan," katanya.

Beliau berkata, selaras projek Kerajan Persekutuan, kerajaan negeri bakal melaksanakan projek Kuala Selangor 'by-pass' yang akan membabitkan pembinaan sebuah lagi jambatan merentasi Sungai Selangor dan mengadakan jalan pilihan kepada pengguna selain daripada Jalan Persekutuan 5.

Beliau berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Samy Vellu yang memberikan perhatian ke atas pembangunan di Selangor terutama di bidang kemudahan awam.

(END)